

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**INOVASI DAN TRANSFORMASI
DAKWAH JAKIM
MELALUI MEDIA¹**

DISEDIAKAN OLEH

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

¹ Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar IslamGRID Kedua (2011) pada 5 Disember 2011, oleh Ketua Pengarah Jakim, di Pusat Islam, Kuala Lumpur. Ia berasaskan kertas kerja yang telah dibentangkan pada Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan pada April 2011 oleh Mantan Ketua Pengarah Jakim.

INOVASI DAN TRANSFORMASI DAKWAH JAKIM MELALUI MEDIA

TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan para peserta Seminar IslamGRID Kedua (2011) dan semua pihak yang berkenaan tentang usaha dakwah Islam yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia melalui media.

LATAR BELAKANG

2. Dakwah melalui media yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) meliputi media cetak, elektronik dan internet. Menerusi media cetak, saluran dakwah dikembangkan menerusi penerbitan buku, risalah, majalah, buletin dan jurnal. Saluran elektronik pula berperanan mengembangkannya menerusi siaran radio dan televisyen. Selari dengan perkembangan terkini, Jakim turut tidak ketinggalan menyebarkan dakwah melalui ICT khususnya internet.

DAKWAH MELALUI MEDIA CETAK

3. Jakim terlibat dalam dakwah melalui media cetak mulai tahun 1968 apabila Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra selaku Perdana Menteri Malaysia pada masa itu telah mengarahkan supaya diterbitkan sebuah kitab tafsir dalam bahasa Melayu. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang diwujudkan pada tahun tersebut telah memberi amanah kepada Tuan Sheikh Abdullah bin Mohd Basmeih untuk menulisnya, dan pada tahun 1972 kitab tersebut selesai ditulis dan diterbitkan.

4. Secara umumnya, bidang-bidang media cetak yang Jakim menerbitkannya ialah buku, risalah (buku kecil), jurnal, majalah, buletin dan terbitan kecil yang lain seperti pamflet, taqwim, poster dan seumpamanya.


Dasar dan Objektif Media Cetak Jakim

5. Dasar media cetak Jakim ialah melaksanakan dakwah. Hal ini dapat dilihat menerusi aspirasi Jakim, iaitu untuk memastikan kesucian agama Islam terpelihara dan membentuk kesejahteraan ummah berteraskan Islam melalui perancangan dan pelaksanaan yang berkesan. Berdasarkan matlamat ini, objektif penerbitan media cetak Jakim ditetapkan untuk memperkayakan bahan-bahan bacaan berunsur Islam dalam pelbagai bidang bagi membangun pemikiran ummah dan menyebarkan dakwah Islamiah.

Penerbitan Buku

6. Bagi kategori buku, Jakim memberi keutamaan kepada bidang teras Islam, iaitu tafsir al-Qur'an dan hadith. Antara judul buku dalam bidang ini ialah Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Tafsir Pedoman Muttaqin, Mastika Hadith Rasulullah SAW, Terjemahan Sahih al-Bukhari, Terjemahan dan Huraian Riyad al-Salihin dan Terjemahan Bulugh al-Maram.

7. Selain itu, Jakim juga menerbitkan buku umum dalam pelbagai bidang meliputi akidah, syariah, akhlak, pendidikan, pengurusan dan pentadbiran, ekonomi dan lain-lain berdasarkan keperluan semasa. Jakim juga turut menerbitkan buku-buku karya kreatif. Sehingga tahun 2010, Jakim telah menerbitkan 246 judul yang meliputi pelbagai bidang. Jumlah penerbitan mengikut bidang adalah seperti dalam Carta 1.



Carta 1: Bilangan Buku Terbitan Jakim Tahun 1968 Hingga 2010

Kitab Tafsir

8. Dalam bidang tafsir, Jakim menerbitkan kitab tafsir karya asli dan terjemahan. Antara judul yang diterbitkan adalah seperti yang berikut:

i. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman

Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an yang ditulis oleh Tuan Sheikh Abdullah bin Mohd Basmeih. Kitab ini mula ditulis pada tahun 1968 dan selama tempoh setahun sahaja, jilid pertama kitab tersebut telah dapat disiapkan yang mengandungi tafsir al-Qur'an dari juzuk 1 hingga juzuk 10. Selanjutnya jilid kedua disiapkan dalam tahun

1970 dan jilid ketiga pada tahun 1972 yang masing-masing mengandungi tafsiran sebanyak 10 juzuk. Kitab ini pada mulanya ditulis dalam tulisan jawi. Mulai tahun 1980 kitab ini diterbitkan juga dalam tulisan rumi.

ii. **Tafsir Ar-Rahman - *Interpretation of the Meaning of the Qur'an***

Kitab tafsir ini merupakan versi bahasa Inggeris bagi terjemahan kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an. Projek terjemahan ini dimulai pada tahun 1998 dengan melantik Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM) untuk melaksanakan kerja-kerja terjemahan. Semakan akhir telah disempurnakan oleh YBhg. Ustaz Uthman El-Muhammady seorang ilmuwan yang terkenal. Tafsir ini setebal 1317 halaman siap dicetak dan diterbitkan pada tahun 2007.

iii. **Tafsir Ar-Rahman – Versi Bahasa Lain**

Bagi memenuhi keperluan pembaca yang lebih luas, Jakim telah dan sedang mengusahakan terjemahan kitab ini ke bahasa-bahasa lain selain bahasa Melayu dan Inggeris. Versi Bahasa Mandarin sedang dalam proses percetakan bagi Juzuk ke-30 yang diterbitkan secara berasingan, dan naskhah lengkap 30 juzuk dijangka dapat diterbitkan pada awal tahun 2011. Bagi versi Tamil, penterjemahannya sedang dilaksanakan dan penerbitannya juga dijangka dapat direalisasikan dalam tahun 2011. Dalam perancangan akan datang, Jakim akan meneruskan penterjemahan kitab ini dalam bahasa suku kaum, iaitu Iban dan Kadazan/Dusun.

iv. **Tafsir Pedoman Muttaqin**

Kitab tafsir ini ditulis oleh Dr. Abd Hayei bin Abd Sukor yang penulisannya bersifat semasa dan sangat sesuai untuk dibaca oleh generasi kini terutamanya bagi warga Malaysia. Pelaksanaannya bermula pada tahun 2009 dan dijangka siap dalam tempoh 15 tahun. Sehingga kini dua jilid telah diterbitkan dan jilid-jilid berikutnya sedang dalam proses percetakan dan penulisan.

Al-Qur'an Braile

9. Jakim turut mencetak al-Qur'an Braile bagi menggalakkan pembelajaran al-Qur'an bagi memperbaiki mutu bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an OKU Penglihatan Muslim. Al-Qur'an Braile ini dapat membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat OKU yang maju dan cemerlang dalam kehidupan. Sebanyak 50 set al-Qur'an Braile telah dicetak pada tahun 2007, manakala pada tahun 2008 sebanyak 250 set al-Qur'an Braile telah dicetak dengan menggunakan peruntukan Jakim. Sebanyak 200 set telah diagihkan, manakala 100 set lagi masih dalam proses pengagihan kepada ahli Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Jakim juga telah mencetak sebanyak 500 set Yasin Braile dan diagihkan kepada ahli PERTIS.

Kitab Hadith

10. Antara judul kitab hadith karya asli dan terjemahan yang diterbitkan oleh Jakim adalah seperti yang berikut:

i. **Mastika Hadith Rasulullah SAW**

Usaha menerbitkan kitab ini dilakukan oleh Jakim pada awal tahun 1970-an berdasarkan ilham YAB Tun Haji Abdul Razak bin Husin, Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Siri kitab ini merupakan lanjutan daripada

penerbitan kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an untuk memberi huraian yang lebih jelas tentang Islam dan ajaran-ajarannya daripada hadith-hadith Rasulullah SAW. Sehingga kini tiga jilid kitab ini telah diterbitkan, ditulis oleh Tuan Sheikh Abdullah bin Mohd Basmeih. Kitab ini yang merupakan karya asli memuatkan himpunan hadith pilihan yang mengandungi panduan lengkap daripada Rasulullah SAW meliputi aspek-aspek iman (Ilmu Tauhid), Islam (hukum-hukum syarak) dan Ihsan (akhlak dan asuhan budi). Jilid keempat sebagai sambungan siri kitab ini akan diterbitkan dan ia sedang diusahakan oleh Dr. Abd Hayei bin Abd Sukor.

ii. **Terjemahan Sahih Al-Bukhari**

Inisiatif penerbitan kitab Terjemahan Sahih Al-Bukhari pada asalnya dimulakan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) dengan penerbitan jilid pertamanya pada tahun 1986. Penerbitan kitab ini seterusnya dilakukan oleh Jakim dengan melantik pakar penterjemah daripada kalangan pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sehingga kini, kitab ini telah diterbitkan lapan jilid dan terjemahan jilid seterusnya sedang diusahakan.

iii. **Terjemahan dan Huraian Riyadh Al-Salihin**

Kitab ini merupakan terjemahan dan huraian daripada sebuah kitab hadith karya Imam al-Nawawi Rahimahullah yang berjudul Riyadh Al-Salihin. Kitab Riyadh Al-Salihin merupakan sebuah kitab hadith yang memuatkan hadith-hadith berkenaan akhlak dan tasawwuf. Kitab hadith ini dibahagikan kepada 372 bab dan mengandungi 1876 buah hadith. Cetusan idea untuk menerbitkan kitab Terjemahan dan Huraian Riyadh Al-Salihin ini berdasarkan kekurangan bahan bacaan dalam bidang

pengajian hadith yang mudah difahami, khususnya dalam bahasa Melayu. Sehingga kini, kitab ini telah diterbitkan lapan jilid.

iv. **Terjemahan dan Huraian Bulugh Al-Maram**

Kitab Bulugh Al-Maram ialah terjemahan dan huraian daripada kitab Bulugh Al-Maram Min Adillat Al-Ahkam karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-`Asqalani. Kitab ini merupakan sebuah kitab hadith hukum yang memuatkan hadith-hadith berkaitan sesuatu hukum berserta terjemahan, huraian dan kesimpulan mengenainya. Kitab ini diusahakan oleh pegawai-pegawai di Bahagian Penyelidikan Jakim dan penterjemah luar yang dilantik oleh Jakim dengan membuat terjemahan, huraian dan kesimpulan berdasarkan kepada kitab asalnya dan juga kepada kitab Subul Al-Salam Syarh Bulugh Al-Maram. Buku ini diterbitkan dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi.

Buku Umum

11. Selain menerbitkan kitab-kitab teras, Jakim juga menerbitkan buku-buku berkaitan Islam yang membicarakan pelbagai aspek kehidupan manusia secara am. Usaha ini bermula pada tahun 1980 dengan tumpuan dalam bidang-bidang akidah, syariah, akhlak dan tasawwuf yang merupakan bidang-bidang asasi dalam ilmu-ilmu Islam. Bidang-bidang lain yang turut diterbitkan ialah undang-undang, pendidikan, sosial dan kemasyarakatan, ekonomi, politik, falak dan astronomi, pentadbiran dan pengurusan, sejarah, biografi, sains, kesihatan dan sebagainya.

Buku Karya Kreatif

12. Dalam melaksanakan dakwah melalui media cetak, bidang kesusasteraan merupakan saluran yang turut diceburi oleh Jakim. Penglibatan ini menunjukkan Jakim menggunakan pendekatan yang pelbagai dalam merealisasikan usaha tersebut dengan

harapan mesej dakwah yang ingin disampaikan dapat disebarkan secara lebih meluas. Jenis buku yang diterbitkan ialah buku cerita kanak-kanak, antologi cerpen dan novel remaja.

13. Buku cerita kanak-kanak diterbitkan secara bersiri dan tidak bersiri. Antara judul buku yang diterbitkan secara bersiri iaitu Siri Sahabat Sejati, Ahmad dan Rakan-rakan dan Siri kanak-Kanak Hadhari. Manakala buku tidak bersiri pula antaranya ialah Atika Yang Berhati Mulia, Balasan Sikap Tamak dan Jumali Penjual Tempe. Penglibatan Jakim dalam penerbitan buku karya kreatif ini bermula sejak tahun 1974 apabila peraduan Cerpen Berunsur Islam Kali Pertama diadakan. Cerpen-cerpen yang menang dalam peraduan tersebut diterbitkan dalam bentuk buku antologi. Sumbangan yang diberikan dalam bidang ini menjadi sebahagian usaha-usaha penyampaian ajaran Islam melalui media cetak dan mempunyai nilainya tersendiri dalam perkembangan dakwah khususnya di negara ini.

Buku Percuma

14. Dalam pelaksanaan fungsi dakwah menerusi penerbitan buku, Jakim turut menerbitkan buku-buku yang diedar secara percuma kepada masyarakat selain daripada buku-buku jualan. Buku-buku ini meliputi pelbagai bidang seperti akidah, dakwah, akhlak dan politik. Selain itu juga, Jakim menerbitkan buku yang membahas permasalahan semasa dan koleksi seperti Koleksi Kertas Kerja, Khutbah Jumaat dan Soal Jawab Agama. Prestasi penerbitannya mengikut tahun seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 1 : Prestasi Penerbitan Buku Percuma Jakim Dari 1968 hingga September 2009 Mengikut Bidang

Bil.	Bidang	Tahun				
		1968 – 1979	1980 – 1989	1990 – 1999	2000 –2009	Jumlah
1.	Al-Qur'an/Tafsir				2	2

2.	Aqidah	1	2	1	1	5
3.	Dakwah	1	10	6	1	18
4.	Khutbah Jumaat	3	9	6		18
5.	Akhlak/Nilai/Etika			2		2
6.	Soal Jawab Agama			3		3
7.	Politik		1			1
8.	Koleksi Kertas Kerja				4	4
9.	Biografi				1	1
	JUMLAH	5	22	18	9	54

15. Dari segi konsep dan matlamat, buku-buku percuma yang diterbitkan oleh Jakim tidak berbeza dengan penerbitan buku-buku jualan. Ia adalah buku-buku berkaitan Islam dan bermatlamatkan dakwah. Secara umum, persembahan isi yang menjadi kelainan antara kedua kategori buku ini. Buku-buku percuma adalah agak ringkas dan separa ilmiah, berbanding dengan buku-buku jualan yang lebih terperinci dan berbentuk ilmiah.

16. Lazimnya penerbitan buku-buku percuma mempunyai tujuan-tujuan lebih khusus, umpamanya buku-buku khutbah Jumaat, Siri koleksi rencana dakwah INDAH, Siri Soal Jawab Agama, buku penjelasan sesuatu isu seperti Penjelasan Terhadap Buku Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam, Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah dan lain-lain.

Penerbitan Jurnal

17. Jakim tidak ketinggalan dalam menerbitkan jurnal. Terdapat tujuh buah jurnal diterbitkan oleh Jakim, iaitu Jurnal Penyelidikan Islam, Jurnal Hukum, Jurnal Darul Quran, Jurnal Hadhari, Jurnal Muamalat dan Jurnal ILIM.

i. Jurnal Penyelidikan Islam

Jurnal Penyelidikan Islam memuatkan rencana hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Jakim. Ia mula diterbitkan pada tahun 1978 dan merupakan jurnal pertama diterbitkan oleh Jakim. Pada awalnya diberi nama Jurnal MASA. Mulai bilangan keenam pada tahun 1986 dan seterusnya, jurnal ini telah ditukar nama kepada Jurnal Penyelidikan Islam. Perubahan nama ini dibuat dengan tujuan supaya orang ramai lebih maklum terhadap hasil-hasil penyelidikan dan kajian yang dijalankan oleh Jakim. Jurnal ini diterbitkan sekali setahun dan kebanyakan artikel menyentuh mengenai isu-isu akidah dan syariah semasa.

ii. **Jurnal Hukum**

Jurnal Hukum ialah jurnal kedua diterbitkan oleh Jakim selepas Jurnal Penyelidikan Islam. Ia pertama kali diterbitkan pada November 1980. Jurnal ini memuatkan rencana-rencana berkaitan perundangan Islam dan fatwa serta kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Apabila Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ditubuhkan pada Disember 1998, peranan dan fungsi jabatan ini didapati meliputi tujuan penerbitan jurnal ini. Oleh sebab itu, mulai tahun 2004 penerbitan jurnal ini telah diserahkan kepada JKSM bermula jilid 17 bahagian 1 hingga seterusnya.

iii. **Jurnal Muamalat**

Jurnal Muamalat diterbitkan untuk tujuan pendokumentasian hasil-hasil kajian berkaitan muamalat Islam. Ia mula diterbitkan pada bulan Disember 2008 dan diterbitkan sekali setahun. Menerusi jurnal ini, hasil-hasil kajian dapat dihimpun untuk dirujuk dan memberi pendedahan secara ilmiah kepada masyarakat khusus berkaitan muamalat dan ekonomi Islam.

iv. **Jurnal Darul Quran**

Jurnal Darul Quran mula diterbitkan pada Ogos 1995 dengan nama Jurnal Institut Pengajian Tahfiz al-Quran. Mulai tahun 1997, apabila Darul Quran mula beroperasi judul jurnal ini ditukar kepada Jurnal Darul Quran. Jurnal ini diterbitkan sekali setahun dan bertujuan untuk memperkayakan bahan bacaan dalam bidang pengajian tahfiz al-Qur'an, mendedahkan disiplin-disiplin ilmu al-Qur'an kepada masyarakat serta menyemarakkan budaya penyelidikan dan penulisan di kalangan ilmuwan al-Qur'an masa kini.

v. **Jurnal Hadhari**

Jurnal Hadhari dihasilkan menerusi jalinan kerjasama antara Jakim dengan Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia. Jurnal pertama telah dilancarkan pada 25 Oktober 2008 sempena Wacana Eksklusif Pendekatan Islam Hadhari: *Relevankah Islam Hadhari* bertempat di Hotel Ancasa dan Spa, Jalan Pudu, Kuala Lumpur. Jurnal ini menghimpunkan koleksi artikel dalam bidang 10 prinsip Hadhari untuk rujukan ilmiah dan tujuan penyelidikan. Jurnal Hadhari diterbitkan dua kali setahun, dan dicetak sebanyak 1,000 naskhah setiap keluaran. Ia mengandungi artikel-artikel dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab, sesuai untuk bacaan peringkat akademik dan antarabangsa.

vi. **Jurnal Halal**

Jurnal Halal diterbitkan bermula pada tahun 2006 dan diterbitkan setahun sekali. Jurnal Halal memaparkan isu-isu semasa berkaitan halal, sesuai untuk rujukan dan bacaan para penyelidik, pelajar, orang awam dan syarikat yang terlibat secara langsung dalam industri halal.

vii. **Jurnal ILIM**

Jurnal ILIM mula diterbitkan pada tahun 2008 dan diterbitkan sekali setahun. Jurnal ini memaparkan isu-isu berkaitan bidang latihan tenaga manusia khususnya kursus-kursus anjuran Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).

Penerbitan Majalah

18. Jakim turut menerbitkan majalah sebagai media dakwah yang diedarkan kepada orang ramai secara percuma. Judul-judul majalah yang diterbitkan oleh Jakim adalah seperti yang berikut:

i. Sinar Rohani

Majalah Sinar Rohani mula diterbitkan pada tahun 1998. Ia merupakan gabungan majalah Sinaran Islam dan Ruhaniyyat yang diterbitkan sebelumnya dengan menyatukan konsep dan objektif kedua-dua majalah tersebut. Sinaran Islam merupakan majalah sulung terbitan Jakim, iaitu bermula pada Jun 1982. Manakala Majalah Ruhaniyyat pula mula diterbitkan pada bulan Mac 1989. Majalah Sinar Rohani masih diterbitkan hingga sekarang secara dwibulanan dengan edaran 30,000 naskhah setiap keluaran.

ii. Cahaya

Majalah Cahaya mula diterbitkan pada Ogos 1989 sebagai sebuah majalah untuk pembaca remaja. Majalah ini juga diterbitkan secara dwibulanan dengan edaran 30,000 naskhah setiap keluaran.

iii. **Pendidik**

Majalah Pendidik ialah sebuah majalah kanak-kanak dan mula diterbitkan pada bulan Ogos 1989. Majalah ini diterbitkan secara dwibulanan dengan edaran 30,000 naskhah setiap keluaran.

iv. **Suara Masjid**

Suara Masjid diterbitkan mulai Ogos 2006 sebagai kelangsungan daripada tabloid Suara Masjid Negara yang diterbitkan mulai tahun 1976. Penerbitan majalah ini selaras dengan kewujudan dua buah masjid baru masa itu, iaitu Masjid Wilayah Persekutuan di Jalan Duta, Kuala Lumpur dan Masjid Putra di Putrajaya. Ia memuatkan rencana mengenai Islam khususnya berkaitan ehwal ibadat dan berita aktiviti kegiatan masjid yang di bawah pentadbiran Jakim, iaitu Masjid Negara, Masjid Wilayah Persekutuan, Masjid Putra dan juga Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin yang mula digunakan pada September 2009.

Penerbitan Tabloid dan Buletin

19. Dalam menyebarkan maklumat Islam kepada khalayak, terutamanya yang bersifat berita aktiviti Jakim dan panduan-panduan kehidupan seharian, Jakim menerbitkan buletin dan tabloid yang diedarkan secara percuma. Judul-judul yang diterbitkan adalah seperti yang berikut:

i. **Suara Masjid Negara**

Suara Masjid Negara mula diterbitkan pada tahun 1976 secara mingguan, iaitu pada setiap hari Jumaat dan diedarkan di Masjid Negara sebelum Solat Jumaat. Tabloid ini mengandungi berita-berita perkembangan Islam semasa, rencana mengenai Islam, sudut puisi dan renungan. Mulai Ogos 2006, penerbitan tabloid ini dinaik taraf menjadi majalah dengan nama baru Suara Masjid.

ii. **Buletin Jakim**

Buletin Jakim mula diterbitkan pada tahun 1997 sebagai kesinambungan daripada Berita Pusat Islam dan Buletin Uswah. Berita Pusat Islam mula diterbitkan pada Jun 1989 yang memaparkan berita bergambar aktiviti Jakim. Buletin ini diberhentikan pada tahun 1992 berikutan lahirnya Buletin Uswah yang ditingkatkan dari sudut bentuk dan kualiti dengan paparan berita yang lebih luas dan menarik. Pada tahun 1997, Buletin Jakim mula diterbitkan sebagai kesinambungan daripada Buletin Uswah. Jenama baru ini sesuai dengan nama dan kedudukan Jakim sebagai sebuah jabatan mulai tahun tersebut. Dengan terbitnya Buletin Jakim, Buletin Takmir turut diberhentikan dan berita mengenai program berkenaan dimasukkan dalam Buletin Jakim. Buletin ini diterbitkan secara bulanan sebanyak 5,000 naskhah setiap keluaran dan diedarkan kepada jabatan kerajaan persekutuan dan negeri serta perpustakaan dan juga orang ramai.

iii. **Buletin Tilawah**

Buletin Tilawah mula diterbitkan pada tahun 2001 sempena Majlis Tilawah al-Qur'an Peringkat Antarabangsa. Diterbitkan setiap hari semasa berlangsungnya majlis tilawah dengan kuantiti 500 naskhah setiap

keluaran. Kandungannya memaparkan aktiviti berkaitan pengajian al-Qur'an, info negara Malaysia dan berita semasa berkaitan tilawah al-Qur'an yang dipersembahkan dalam tiga bahasa, iaitu Melayu, Inggeris dan Arab.

iv. **Buletin Hadhari**

Buletin Hadhari telah diterbitkan mulai tahun 2008, diterbitkan tiga kali setahun. Matlamatnya adalah untuk memaklumkan kepada khalayak tentang program dan aktiviti berhubung pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari di semua agensi pelaksana termasuk kementerian, jabatan dan negeri. Buletin ini dicetak sebanyak 5,000 naskhah setiap keluaran dan diedarkan kepada semua agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri serta masyarakat awam.

v. **Buletin Halal**

Buletin Halal mula diterbitkan pada tahun 2005. Penerbitan buletin ini bertujuan menyalurkan maklumat terkini mengenai isu-isu berkaitan halal kepada orang ramai. Buletin ini juga memaparkan tentang peranan Jakim dalam aktiviti pensijilan halal di Malaysia dan membantu pengguna Islam untuk mengetahui produk yang disahkan halal.

vi. **Buletin Jakim Cawangan Sabah**

Buletin Jakim Cawangan Sabah diterbitkan empat bulan sekali mulai tahun 2006. Kandungannya memaparkan rencana Islam dan aktiviti yang dijalankan oleh Jakim Cawangan Sabah. Buletin ini diedarkan kepada jabatan-jabatan persekutuan dan negeri di Sabah dan juga kepada orang ramai.

Penerbitan Risalah

20. Risalah merupakan bahan penerbitan yang paling banyak diterbitkan oleh Jakim berbanding jenis yang lain. Risalah yang diterbitkan oleh Jakim mempunyai kepelbagaian judul, siri dan bentuk. Penerbitan yang dikategorikan sebagai risalah ialah penerbitan yang mempunyai 49 halaman dan kurang, bersaiz kecil daripada saiz buku biasa. Biasanya ia diterbitkan dalam saiz A5 dan saiz poket.

21. Risalah yang diterbitkan oleh Jakim terdiri daripada risalah bersiri dan terbitan khas mengikut kepentingan isu-isu semasa atau sesuatu sambutan seperti Ma'al Hijrah dan Maulidur Rasul SAW. Antara risalah bersiri yang telah diterbitkan ialah al-Syariah, al-Yakin, al-Risalah, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI) dan Islam Itu Mudah. Risalah tidak bersiri terdiri daripada garis panduan mengenai pelaksanaan sesuatu perkara, risalah berkenaan hari kebesaran Islam dan risalah berkenaan isu semasa. Risalah-risalah ini diterbitkan dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa suku kaum tertentu seperti Dusun/Kadazan dan Iban.

Risalah Bersiri

22. Siri-siri risalah yang diterbitkan oleh Jakim ialah al-Syari`ah, al-Yakin, al-Risalah, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI), dan Islam Itu Mudah. Penerbitan risalah mengikut siri yang diterbitkan mempunyai tujuan untuk mengelaskan bidang-bidang sesuatu penerbitan dan membezakan konsepnya.

i. Siri al-Syari`ah

Siri al-Syari`ah memaparkan penjelasan di sekitar persoalan syari`ah dan perundangan Islam. Siri ini telah melahirkan sebanyak lapan keluaran atas judul-judul "Antara Konsep Syari`at dan Undang-Undang", "Hukum

Hudud Dalam Perundangan", "Hukuman Sebat", "Hukuman Sebat Dalam Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Awam Di Malaysia", "Islam Dalam Perlembagaan", "Pelaksanaan Hukum Syarak Dari Sudut Undang-Undang" dan "Poligami" (dua keluaran).

ii. **Siri al-Yakin**

Siri al-Yakin ialah risalah yang memaparkan penjelasan berhubung sesuatu perkara berkenaan prinsip dalam Islam secara terperinci seperti penerangan berkaitan rukun Islam, rukun iman, panduan-panduan ibadat dan seupamanya.

iii. **Siri Al-Risalah**

Satu lagi siri yang hampir menyerupai konsep penerbitan al-Yakin ini ialah al-Risalah. Al-Risalah memaparkan huraian tentang sesuatu topik mengenai Islam secara lebih analitikal dan berbentuk penghujahan.

iv. **Siri Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI)**

Siri DPNI pula diterbitkan bagi memenuhi tuntutan untuk memberi penjelasan kepada umum tentang Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang dianjurkan oleh Kerajaan pada tahun 1985. Paparan dalam penerbitan ini ialah mengenai rancangan yang diatur oleh Kerajaan dalam dasar tersebut serta penjelasan nilai-nilai murni yang terdapat dalam ajaran Islam yang dapat diterapkan dalam bidang-bidang tertentu seperti pentadbiran, pertanian, kesihatan, kebajikan masyarakat dan lain-lain. Sehingga kini, Jakim telah menerbitkan enam judul risalah dalam siri ini.

v. **Siri Islam Itu Mudah**

Siri Islam Itu Mudah pula memberikan penerangan secara ringkas dan mudah terhadap perkara yang berkaitan kehidupan manusia seharian seperti soal makan minum, pertahanan, sembahyang dan seumpamanya. Sebanyak 12 judul risalah siri ini telah dikeluarkan.

Risalah Tidak Bersiri

23. Selain risalah bersiri, Jakim turut menerbitkan risalah tidak bersiri. Dari segi konsep, penerbitan risalah tidak bersiri hampir sama dengan risalah bersiri. Perbezaannya ialah dari segi tiadanya nama siri tertentu pada terbitan ini dan mempunyai pelbagai bidang. Matlamat penerbitannya juga ialah untuk menerangkan kepada orang ramai tentang sesuatu topik berkaitan Islam supaya diketahui, difahami dan dihayati dalam kehidupan seharian.

24. Daripada rekod yang diperolehi, risalah yang dihasilkan oleh Jakim sehingga 2010 ialah 330 judul. Pembahagiannya mengikut siri dan jenis adalah seperti dalam jadual berikut :

Bil.	Siri	Tahun				Jumlah
		1968 – 1979	1980 – 1989	1990 – 1999	2000 – 2010	
1.	Al-Syari'ah	8	0	0		8
2.	Al-Yakin	49	21	7		77
3.	Al-Risalah	17	72	5		94
4.	Dasar Penerapan Nilai Islam	0	6	0		6
5.	Islam Itu Mudah	0	11	0		11
6.	Risalah Tidak Bersiri	9	26	48	28	102
7.	Pamflet	0	6	26		32
	JUMLAH	83	142	86	28	330

25. Berdasarkan rekod dari tahun 1968 hingga Ogos 2010, Jakim telah menerbitkan sebanyak 314 judul risalah. Risalah yang diterbitkan oleh Jakim meliputi pelbagai bahasa. Penerbitan yang dominan adalah dalam bahasa Melayu, tetapi Jakim juga menerbitkan dalam bahasa-bahasa lain iaitu Inggeris, Mandarin, Tamil, Kadazan/Dusun, Iban dan yang terbaharu ialah Khmer. Setiap judul risalah ini lazimnya dicetak 5,000 naskhah dan diedarkan kepada orang ramai secara percuma untuk keperluan semua lapisan masyarakat di dalam negara dan juga luar negara. Penerbitan risalah mengikut bahasa-bahasa tersebut dapat dilihat pada jadual berikut :

Jadual : Jumlah Penerbitan Risalah Mengikut Bahasa

Bil.	Bahasa	Tahun				Jumlah
		1968 – 1979	1980 – 1989	1990 – 1999	2000 – 2010	
1.	Melayu	66	96	68		230
2.	Inggeris	10	24	13		47
3.	Arab	0	0	1		1
4.	Cina	7	13	0		20
5.	Tamil	0	3	3		6
6.	Dusun/Kadazan	0	6	0		6
7.	Iban	0	0	1		1
8.	Khmer				3	3
	JUMLAH	83	142	86		314

Garis Panduan

26. Salah satu jenis risalah yang diterbitkan oleh Jakim adalah garis panduan sesuatu perkara berkaitan Islam untuk diikuti oleh orang awam atau pihak-pihak yang terlibat. Antara judul garis panduan yang telah diterbitkan adalah seperti yang berikut:

- i. Garis Panduan Bedah Siasat Mayat Menurut Perspektif Islam;
- ii. Garis Panduan Hiburan Dalam Islam;

- iii. Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Di *International Space Station (ISS)*;
- iv. Garis Panduan Silat Menurut Islam;
- v. Garis Panduan Khurafat Dan Azimat;
- vi. Garis Panduan Pengurusan Saudara Baru (Muallaf);
- vii. Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam;
- viii. Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-Bahan Penyiaran Berunsur Islam;
- ix. Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian Penjualan Dan Pelupusan Bahan-bahan Penerbitan Dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat-ayat Suci Al-Quran;
- x. Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak Dan Audio Visual Berhubung Dengan Unsur-Unsur Yang Bercanggah Dengan Akidah Dan Amalan Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Penerbitan Lain

27. Selain risalah, Jakim juga menerbitkan terbitan-terbitan lain seperti taqvim, kalendar meja, pamflet, poster dan pelekat (*sticker*) dan skrip selawat.

i. Taqvim/Kalendar Islam

Taqvim atau Kalendar Islam ialah terbitan tetap Jakim setiap tahun. Ia merupakan sebuah kalendar tahun Hijriyah dengan disertakan penyelarasannya dalam tahun Masehi. Kalendar ini diterbitkan pada setiap awal Muharram yang turut memuatkan jadual waktu sembahyang bagi Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan yang sewaktu dengannya.

ii. **Kalendar Masihi**

Mulai tahun 2005, Jakim menerbitkan kalendar meja mengikut tahun Masihi dengan penyelarasan tahun Hijri dan diedarkan kepada jabatan-jabatan kerajaan. Pada tahun 2005 dan 2006 Jakim turut menerbitkan kalendar Masihi bersaiz poket.

iii. **Pamflet**

Pamflet yang diterbitkan oleh Jakim memaparkan penerangan ringkas terhadap sesuatu topik yang dibincangkan. Penerbitan pamflet juga bermatlamatkan dakwah. Disebabkan saiz yang berbeza dan konsep yang berbeza, pamflet hanya memaparkan penerangan yang ringkas terhadap sesuatu topik yang dibincangkan. Pamflet-pamflet yang diterbitkan oleh Jakim ialah dalam bentuk warna, kebanyakannya mempunyai gambar hiasan dan mempunyai reka bentuk yang lebih ringkas dan menarik.

iv. **Poster**

Poster yang diterbitkan oleh Jakim ialah poster yang mempunyai mesej dakwah. Lazimnya poster yang diterbitkan ialah lukisan yang disertakan tulisan ayat al-Qur'an atau hadith yang membawa pengertian dan mesej tertentu seperti poster untuk mengingatkan masyarakat terhadap ajaran sesat, ingatan tentang pendidikan anak-anak dan sebagainya. Selain itu terdapat juga poster-poster yang hanya memaparkan tulisan seperti ayat-ayat al-Qur'an atau hadith yang ditulis dengan khat yang cantik sama ada disertakan maksudnya atau pun tidak. Poster-poster yang diterbitkan mempunyai ukuran dan saiz yang pelbagai.

v. **Pelekat (Sticker)**

Stiker pula satu jenis lagi penerbitan media cetak Jakim. Ia lazimnya diterbitkan sempena perayaan hari-hari kebesaran Islam seperti sambutan Ma`al Hijrah dan Maulidur Rasul. Biasanya stiker memaparkan ungkapan-ungkapan tema sesuatu perayaan, ungkapan-ungkapan yang mengajak manusia ke arah kebaikan, logo atau pengertian sesuatu ayat al-Qur'an atau hadith. Dari segi bentuk, stiker yang pernah diterbitkan mempunyai pelbagai bentuk dan saiz, diperbuat daripada plastik yang sesuai dilekatkan pada cermin-cermin kenderaan atau dinding-dinding yang bercermin.

vi. **Skrip Selawat**

Skrip selawat diterbitkan setiap tahun sempena sambutan Maulidur Rasul SAW diedarkan kepada masyarakat ketika majlis sambutan Maulidur Rasul diadakan pada setiap tahun.

Jadual 3: Penerbitan Risalah dan Rampaian Tahun 2005 - 2009

Bil.	Aktiviti	Pencapaian Mengikut Tahun					
		2005	2006	2007	2008	2009	Jumlah
1.	Risalah agama	17	13	7	9	17	63
2.	Buku kecil/pamflet dll	4	7	3	1	1	16
3.	Surah Ya Sin	3	3	6	1	0	13
4.	Kalendar Poket	1	1	1	0	0	3
5.	Kalendar Meja	1	1	1	1	1	5
6.	Taqwim Hijri	1	1	1	1	1	5
7.	Sisipan Akhbar	0	0	4	7	4	15
8.	Rencana Akhbar	15	13	18	22	16	84
9.	Hadith Harian Laman Web	365	365	365	365	273	1,733
10.	Rencana Buletin Teman (Mara Liner)	0	0	12	12	6	30
11.	Rencana Tafsir Utusan Malaysia	144	150	150	144	120	708
	Jumlah	551	554	568	563	439	2,675

28. Antara judul risalah dan rampaian yang utama yang telah diterbitkan adalah seperti berikut:

Tahun	Tajuk
2005	<ul style="list-style-type: none"> i. Enam judul risalah dalam dwibahasa: Inggeris dan Mandarin: <ul style="list-style-type: none"> a. <i>The Obligatory Prayer And Their Preferred Time;</i> b. <i>Human Knowledge And God;</i> c. <i>50 Questions of Interest About Islam;</i> d. <i>A Short Guide for Convert to Islam;</i> e. <i>Do You Want To Know About Islam;</i> f. <i>Invitation to Understanding Islam.</i> ii. <i>Fiqh al-Aulawiyat</i> iii. Kalendar Poket (aktiviti baru: pertama kali diterbitkan) iv. Kalendar Meja (aktiviti baru: pertama kali diterbitkan)
2006	<ul style="list-style-type: none"> i. Risalah: <i>Ummatan Wasata: Antara Realiti dan Cabaran Umat Islam</i> ii. Rencana Akhbar: Sikap Rakus Bawa Keruntuhan Hidup (Dalam Berita Minggu 1 Disember 2006)
2007	<ul style="list-style-type: none"> i. Membina Insan Cemerlang ii. Rasulullah SAW Sebagai Pemimpin
2008	<ul style="list-style-type: none"> i. Menjana Ummah Gemilang ii. Rasulullah SAW Penjana Ummah Gemilang iii. Yoga iv. Pengkid

2009	<ul style="list-style-type: none"> i. Wahdah Pemangkin Khaira Ummah ii. Gerbang Kebahagiaan Rumah Tangga iii. Islam Hadhari: 25 Soal Jawab Mengenainya iv. Penjelasan Bilangan Rakaat Solat Tarawih v. Penjelasan Solat Jumaat di Hari Raya vi. Mengapa Kalimah Allah vii. Ke Arah Menjana Kegemilangan Ummah viii. Ulang cetak 6 judul risalah bahasa Inggeris: <ul style="list-style-type: none"> a. <i>Islamic Development In Malaysia</i> b. <i>Invitation to Understanding Islam</i> c. <i>Islam and Muslim</i> d. <i>Do You Want to Know About Islam?</i> e. <i>A Short Guide for Convert to Islam</i> f. <i>Islam is Simple and Comprehensible</i>
2010	<ul style="list-style-type: none"> i. Panduan Berpuasa Bagi Pesakit (Bahasa Khmer); ii. Panduan Tayammum, Wudu' dan Solat Bagi Pesakit (Bahasa Khmer); iii. Panduan Puasa Ramadhan (Bahasa Khmer); iv. Sekilas Pandang Pembangunan Islam di Malaysia v. Rasulullah SAW Pembina Peradaban Umat Sejagat vi. Prinsip Jihad Dalam Islam vii. Keabsahan Penggunaan Nama Allah Hanya Untuk Orang Islam viii. Panduan Wirid dan Doa Selepas Solat x. 1 Malaysia 1 Ummah: Risalah Khas Ma'al Hijrah 1432H xi. Ulang cetak 10 judul risalah

Penerbitan Rencana / Ruangan Agama di Akhbar

29. Jakim juga menjalinkan hubungan akrab dengan beberapa media surat khabar yang mengendalikan ruangan agama dengan menyediakan bahan untuk tatapan pembaca. Utusan Malaysia sejak tahun 2005 telah menyediakan ruangan Kalamullah yang bahannya merupakan rencana ringkas tafsir al-Qur'an yang disediakan oleh Jakim. Akhbar ini juga menyediakan ruangan pemberitahuan berkenaan program Forum Perdana Hal Ehwal Islam terbitan Jakim di TV 1 yang dimuatkan secara mingguan pada setiap hari Khamis dan ruangan Slot Bimbingan beberapa kali setiap bulan. Selain itu, Jakim bekerjasama dengan akhbar Kosmo dengan menjadikan akhbar berkenaan sebagai media rasmi program Kempen 1 Malaysia 1 Halal yang dijalankan beberapa peringkat di setiap negeri.

30. Akhbar Kosmo juga memberikan ruangan Pancaran Ilmu pada setiap Jumaat yang memaparkan ulasan buku-buku terbitan Jakim dan juga ruangan Soal Jawab Agama berkaitan persoalan masyarakat dan isu semasa. Jalinan kerjasama antara Jakim dan Kosmo telah bermula semenjak awal Ramadan 1431H/2010M.

31. Selain itu, meja agama akhbar nasional terutama Berita Harian, Utusan Malaysia dan Kosmo turut memberi kerjasama dengan menyiarkan rencana berkaitan Islam yang disediakan oleh Jakim. Jakim juga membenarkan pihak media mendapatkan maklumat daripada Jakim seperti keputusan fatwa, khutbah Jumaat, info halal, garis panduan yang maklumat ini boleh juga diakses daripada portal Jakim: www.islam.gov.my.

32. Pada tahun 2007 juga, Bahagian Penerbitan membekalkan rencana mengenai Islam dalam Buletin Teman, iaitu buletin yang diedarkan dalam bas *Mara Liner*. Usaha ini sekaligus meluaskan tugas dakwah melalui media cetak yang dilaksanakan oleh Jakim. Usaha seperti ini akan diperluaskan kepada medium terbitan berkala penerbit-penerbit lain.

Sisipan Akhbar

33. Akhbar-akhbar utama ini juga termasuk New Straits Times pernah menerbitkan sisipan akhbar berkaitan aktiviti Jakim sempena musim-musim tertentu seperti Sambutan Kemerdekaan, Sambutan Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul SAW dan Sambutan Bulan Dakwah Kebangsaan.

34. Penerbitan sisipan Jakim di akhbar dimulakan pada tahun 2007 bertujuan memberi maklumat mengenai pencapaian dan kejayaan yang dicapai oleh Jakim dalam beberapa perkara, iaitu mengurus dan mentadbir perkembangan kemajuan Islam di Malaysia, memperkenalkan Islam melalui media akhbar, menyalurkan maklumat Islam terkini dengan padat dan berkesan, dan memartabatkan Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia.



Sisipan akhbar yang diterbitkan sempena 40 Tahun Jakim pada tahun 2008

Peraduan Penulisan Islam

35. Jakim juga turut menganjurkan peraduan penulisan berunsur Islam, antaranya Peraduan Penulisan Abad 15 Hijrah, Peraduan Penulisan Cerpen, Peraduan Penulisan

Novel dan Peraduan Penulisan Skrip Drama. Hasil penulisan yang memenangi peraduan tersebut diterbitkan untuk tatapan khalayak.

Penerimaan Masyarakat

36. Terdapat beberapa indikator yang dapat memperlihatkan penerimaan masyarakat terhadap media cetak Jakim. Antara indikator itu ialah jumlah cetakan dan hasil jualan bagi sesuatu terbitan. Indikator-indikator ini merangkumi kedua-dua kategori terbitan Jakim iaitu terbitan percuma dan terbitan jualan.

37. Jumlah cetakan sesuatu terbitan sama ada yang dijual atau percuma bergantung kepada pelbagai faktor. Antaranya mengikut keperluan semasa, permintaan masyarakat, pentingnya sesuatu judul itu diketengahkan, jenis terbitan dan sebagainya. Semua ini menjurus kepada matlamat Jakim iaitu untuk melaksanakan dakwah. Oleh sebab itu apabila melihat kepada sudut jumlah cetakan ini, didapati angka-angka yang ditunjukkan adalah begitu besar. Lebih ketara tumpuan yang lebih diberikan ialah kepada terbitan percuma.

38. Sambutan masyarakat terhadap media cetak Jakim turut dapat dilihat menerusi hasil jualan. Dalam tempoh 1985 hingga 1996, Jakim (Baheis ketika itu) agak aktif mencetak buku-buku jualan dengan jumlah cetakan yang agak besar, termasuk Tafsir Pimpinan Ar-Rahman yang dijual sendiri oleh Jakim. Hasil jualan terbitan Jakim dari tahun 1985 hingga 1996 dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual : Hasil Jualan Buku Jakim 1985-1996

Tahun	Jualan (RM)
1985	243,336.41
1986	269,225.97
1987	276,437.46
1988	327,759.25

1989	690,683.08
1990	734,519.96
1991	629,361.22
1992	393,704.75
1993	570,943.49
1994	619,078.01
1995	326,287.39
1996	271,520.42

39. Walau bagaimanapun, dalam tahun-tahun 2000 dan selepasnya, Jakim telah mengurangkan jumlah judul dan naskhah cetakan penerbitan buku disebabkan langkah-langkah penjimatan perbelanjaan. Sehubungan ini juga Jakim telah melantik Syarikat Darul Fikir Sdn. Bhd. untuk mencetak dan menjual kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, iaitu terbitan ulung Jakim yang mendapat permintaan tinggi daripada khalayak. Justeru, rekod jualan buku Jakim dalam tempoh kebelakangan ini menunjukkan angka yang lebih rendah.

Jadual : Hasil Jualan Buku Jakim Tahun 2003 Hingga 2009

Tahun	Naskhah Jual	Perolehan Jualan (RM)
2003	2,605	24,637.85
2004	5,717	52,970.20
2005	7,175	59,652.79
2006	14,325	74,885.54
2007	10,550	90,655.52
2008	14,359	126,556.30
2009	8,089	81,435.00

40. Bahagian Penerbitan tidak ketinggalan menyertai pelbagai ekspo jualan buku sama ada yang dirancang oleh jabatan dan juga anjuran pihak luar. Bagi anjuran pihak luar, bahagian ini tidak pernah ketinggalan menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang diadakan setiap tahun dan ekspo lain terutamanya yang dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan. Semasa menyertai jualan expo, Jakim pernah dipilih sebagai

gerai terbaik bagi kategori E (sektor kerajaan) di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada tahun 2006.

41. Paparan di atas membuktikan peranan Jakim dalam bidang dakwah menerusi media cetak turut memainkan peranan yang penting. Usaha-usaha penyebaran telah dilakukan dengan pelbagai cara untuk menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat. Jakim mempunyai iltizam untuk terus berdakwah melalui bidang ini selaras dengan matlamat dan tujuan penubuhannya.

42. Antara aspek lain yang wajar dilihat ialah kecenderungan masyarakat terhadap bidang dan judul terbitan yang dikeluarkan oleh Jakim. Mengikut data-data jualan buku dari tahun 1994 hingga 1997, didapati buku-buku yang banyak dijual ialah buku-buku kreatif, iaitu 69,530 naskhah. Kemudian diikuti oleh bidang syariah iaitu 48,897 naskhah, diikuti oleh bidang al-Qur'an dan tafsir sebanyak 35,168 naskhah dan as-sunah/ hadith sebanyak 30,522 naskhah. Bidang-bidang lain hanya mencatat di bawah 10,000 naskhah. Sila lihat jadual berikut :

Jadual : Jualan Buku Jakim Mengikut Bidang

Bil.	Bidang Buku	Jualan				
		1994	1995	1996	1997	Jumlah
1.	Al-Qur'an/Tafsir	18,712	7,777	1,210	7,469	35,168
2.	As-Sunnah/Hadith	12,397	5,016	10,108	3,001	30,522
3.	Aqidah	1,707	731	3,135	316	5,889
4.	Syariah/ Undang-undang	21,323	9,569	6,386	11,619	48,897
5.	Tasawwuf/Akhlak	2,553	3,313	3,414	311	9,591
6.	Kemasyarakatan	383	279	764	48	1,474
7.	Ekonomi	955	1,591	1,013	129	3,688
8.	Politik	400	309	497	111	1,317
9.	Sejarah	184	76	215	42	517
10.	Pendidikan	2,427	1,903	2,339	252	6,921
11.	Falak/Astronomi	238	99	284	94	715
12.	Pengurusan	1,118	834	991	1,411	4,354
13.	Kesihatan	226	23	173	42	464
14.	Sains	344	103	164	60	671

15.	Biografi	20	15	41	24	100
16.	Kreatif	21,823	17,956	26,358	3,393	69,530
	JUMLAH	84,810	49,594	57,092	28,322	219,818

43. Daripada penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa media cetak Jakim telah dapat sampai kepada sasaran pembaca dengan meluas. Ini adalah kerana usaha-usaha penyebaran telah dilakukan dengan pelbagai cara serta penampilannya di kalangan masyarakat mendapat sambutan yang baik. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada beberapa data yang telah ditunjukkan seperti dari sudut jumlah cetakan, kekerapan sesuatu judul yang diulang cetak, judul-judul yang diminati dan jumlah hasil kutipan jualan sebagaimana yang telah dihuraikan di atas.

Kawalan Penerbitan Media Cetak

44. Jakim turut bertanggungjawab mengkaji dan menapis bahan-bahan penerbitan berunsur Islam menerusi media cetak seperti buku, majalah dan surat khabar. Sehubungan ini sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang berperanan meneliti laporan kajian yang berkenaan dan memperakukan syor-syor kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk tindakan selanjutnya.

45. Bahan-bahan media yang telah disemak dan ditapis oleh Jakim dalam tahun 2009 dan 2010 adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1: Penapisan Bahan-Bahan Berunsur Islam Tahun 2009

Jenis Bahan	Bahan Yang Diterima/Kaji	Selesai Disemak	Dalam Kajian	Tiada Keraguan	Terdapat Keraguan	Diwartakan Haram
Buku	199	53	88	21	32	12
Skrip/manu skrip	64	29	35	29	0	0
VCD	89	23	66	65	1	0
Laman Web/Blog	55	55	0	55	0	0

Barang Gunaan	4	3	1	1	3	0
---------------	---	---	---	---	---	---

Jadual 2: Penapisan Bahan-Bahan Berunsur Islam Tahun 2010

Jenis Bahan	Bahan Yang Diterima/Kaji	Selesai Disemak	Dalam Kajian	Tiada Keraguan	Terdapat Keraguan	Diwartakan Haram
Buku	124	83	0	42	41	12
Skrip/manu skrip	23	15	3	12	0	0
VCD	24	11	2	9	0	0
Laman Web/Blog	26	26	0	2	24	0
Barang Gunaan	5	5	0	1	4	0

46. Jakim juga mengadakan pemantauan terhadap bahan-bahan penerbitan berunsur Islam yang telah diwartakan haram dan disyaki mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan Islam. Pemantauan dibuat di premis-premis berkaitan di seluruh negara. Jakim juga bertanggungjawab menyemak dan mengesahkan permohonan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam dari luar negara untuk dibawa masuk ke negara ini. Dalam melaksanakan tugas ini, Jakim bekerjasama dengan pelbagai pihak, antaranya Jabatan Agama Islam Negeri, Kementerian Dalam Negeri, dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

DAKWAH MELALUI MEDIA ELEKTRONIK

47. Jakim mempunyai sebuah bahagian khusus yang bertanggungjawab menyediakan dan menerbitkan rancangan agama untuk stesen-stesen radio dan TV RTM sejak tahun 1994. Bahagian ini yang kini dinamakan Bahagian Media pada awalnya hanyalah sebuah unit dikenali sebagai Unit Dakwah Radio dan TV, Radio Televisyen Malaysia (RTM) Jabatan Penyiaran, Angkasapuri, Kuala Lumpur. Atas keputusan Jemaah Menteri pada 4 Mei 1994 unit ini diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri.

48. Sehubungan itu, pada Jun 1994 unit ini telah berpindah di bawah pentadbiran BAHEIS di Kompleks Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana, Kuala Lumpur. Apabila BAHEIS dinaikkan taraf kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada tahun 1997, unit ini turut dinaikkan kepada bahagian, iaitu Bahagian Media Elektronik dan Penyiaran. Mulai 2010 bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Media, Jakim.

49. Bahagian Media Jakim kini mempunyai studio rakaman TV dan radio bernilai RM 10 juta menerusi peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Studio berkenaan dilengkapi dengan tiga buah kamera studio, galeri penerbitan, tiga unit bilik suntingan, bilik rakaman suara selain daripada lima buah kamera SCP (*Single Camera Production*). Bahagian Media Jakim juga dilengkapi dengan dua buah studio rakaman radio dan sebuah bilik server (bilik perhubungan digital). Studio rakaman berfungsi untuk membuat proses suntingan, *mixing*, *recording* dan *dubbing* menggunakan sistem Netia.

50. Mulai tahun 2008, Jakim memperluaskan rancangan-rancangan terbitannya untuk disiarkan menerusi saluran TV Satelit (berbayar) ASTRO, sebagai satu lagi saluran mengembangkan dakwah Islam. Kerjasama terbaru ialah membekalkan rancangan untuk saluran TV Internet IPTV, iaitu "Hikmah Channel". Mulai 15 Februari 2009, Jakim menempa satu lagi pencapaian apabila mengendalikan sendiri saluran radio bercorak agama dikenali sebagai **Salam fm** menggunakan frekuensi 91.1 FM/102.5 FM/105.1 FM.

Program TV Terbitan Jakim

51. Pada masa kini, Bahagian Media Jakim menerbitkan program harian dan mingguan untuk disiarkan menerusi TV1 dan TV2 dengan masa siarannya 16 jam seminggu sama ada secara langsung atau berakam. Bahagian Media Jakim juga diberi tanggungjawab menerbitkan program-program berkala secara langsung mengikut kalendar Islam dan program khas seperti Tilawah Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, Hafazan Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan, Solat Tarawih dari Mekah, Sembahyang Hari Raya, Sambutan Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul, Anugerah Media

Islam Negara (AMIN), Dokumentari Khas sempena hari-hari kebesaran Islam, program usahasama dengan agensi-agensi lain seperti Al-Tijarah dan Seruan Haji dan pelbagai program anjuran Jakim pada peringkat nasional.

Jadual 1: Jadual Siaran Rancangan TV Jakim di TV 1 RTM

Bil.	RANCANGAN	SIARAN	JANGKA MASA
1.	Bicara Mufti/ Ifta'	Setiap hari – 6.30 pagi Ulangan – 2.30 pagi	30 minit
2.	Persada Jurnal	Jumaat – 3.05 petang (Siaran Langsung)	1 jam
3.	Solat Jumaat	Jumaat – 1.00 tgh (Siaran Langsung)	1 jam
4.	Destinasi Inspirasi	Isnin – 6.30 petang	30 minit
5.	Destinasi Inspirasi	Selasa – 6.30 petang	30 minit
6.	Kewangan Islam	Rabu – 6.30 petang	30 minit
7.	Rahmat Kasih	Khamis – 6.30 petang	30 minit
8.	Qiraatul Quran	Jumaat – 6.30 petang	30 minit
9.	Forum Perdana Ehwat Islam	Khamis– 10.00 malam	1 jam
10.	Tilawah Interaktif	Ahad – 4.05 malam (Siaran Langsung)	1 jam
11.	Respon@1 / Surah-surah pilihan	Jumaat – 6.05 pagi	20 minit

Jadual 2: Jadual Siaran Rancangan TV Jakim di TV 2 RTM

Bil.	RANCANGAN	SIARAN	JANGKA MASA
1.	Qudwah	Jumaat – 11.00 pagi	30 minit
2.	Hikmah	Jumaat – 11.30 pagi	30 minit

Forum Perdana Ehwat Islam

52. Forum Perdana Ehwat Islam kekal antara program paling popular di TV1. Rating AC Nielson menunjukkan program ini tekal sebagai 10 program teratas TV1. Bermula pada tahun 1992, Rancangan Ehwat Islam dibawa kepada penonton secara rakaman luar dengan kerjasama penganjur. Kemudian, namanya diubah kepada Forum Perdana Ehwat Islam (FPEI) selama sejam disiarkan pada setiap hari Khamis jam 10.00 malam di TV1. Pada tahun 2009, Bahagian Media Jakim telah menerbitkan FPEI di Singapura

dan kemudian di Dewan Plenary, Pusat Konvensyen Antarabangsa Brunai (ICC). Rancangan ini terbukti dapat mengangkat kedudukan dan kemurnian agama Islam pada kaca mata masyarakat seterusnya dapat mengeratkan silaturahim antara umat Islam serantau.

Program Realiti “Adik-Adikku”

53. Penerbitan rancangan TV berbentuk realiti sejak mutakhir ini sudah mula mendapat tempat di hati masyarakat. Dengan mengambil kira perkembangan ini, Bahagian Media Jakim mengambil cabaran menerbitkan sebuah rancangan berbentuk realiti bagi memenuhi permintaan khalayak. “Adik-adikku”, program realiti TV yang berkonsepkan hiburan dan pendidikan, telah memberi impak positif kepada penambaan program Jakim. Para peserta diuji dan dinilai bukan sahaja daripada aspek keterampilan karisma kepimpinan seperti kemahiran berpidato, penyelesaian masalah tetapi juga berkebolehan dalam bidang tarannum, berzanji dan bernasyid. Berdakwah secara santai jelas memberi kesan yang amat bermakna kepada penonton. Ratingnya mencecah hampir sejuta penonton.

Program Gameshow “Catur Bistari D’TV”

54. Buat julung kalinya, Bahagian Media Jakim dengan kerjasama RTM dan Johor Corporation mengorak langkah ke hadapan dengan menerbitkan rancangan berbentuk “*gameshow*” pertandingan berpasukan, iaitu **Catur Bistari D’TV**. Lebih menarik lagi program TV 12 episod ini turut disertai peserta pelbagai kaum. Permainan Catur Bistari bukan hanya untuk hiburan dan bersantai semata-mata, malah mempunyai matlamat sampingan yang bernilai tinggi. Ia memberi pendedahan kepada ilmu dan amalan berniaga mengikut Islam yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Program Catur Bistari D’TV ini diharapkan dapat membentuk budaya dan minat keusahawanan di kalangan generasi muda bagi menjadikan bidang perniagaan sebagai salah satu kerjaya pilihan pada masa hadapan.

Program Radio Terbitan Jakim

55. Menerusi siaran radio, Bahagian Media Jakim membekalkan program agama kepada lima saluran radio untuk siaran program agama, iaitu Klasik Nasional (Bahasa Melayu), Minnal fm (Bahasa Tamil), Ai fm (Bahasa Mandarin), Traxx fm (Bahasa Inggeris) dan Asyik fm (Bahasa Orang Asli) di samping mengendalikan sebuah saluran radio, iaitu Salam fm (Bahasa Melayu). Bahagian Media Jakim juga membuat liputan radio secara langsung aktiviti tahunan negara seperti Sambutan Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul, Tilawah Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji dan siaran khutbah Jumaat setiap minggu serta pelbagai program anjuran Jakim yang bersifat nasional.

Jadual 3: Jadual Siaran Rancangan Radio Jakim di RTM

BIL.	SALURAN RADIO	JUMLAH RANCANGAN	MASA SIARAN SEMINGGU
1.	Klasik Nasional	32 rancangan	20 jam
2.	Minnal fm	18 rancangan	7 jam 20 minit
3.	Ai fm	4 rancangan	2 jam 50 minit
4.	Traxx fm	1 rancangan harian	1 jam 10 minit
5.	Asyik fm	3 rancangan harian	6 jam
6.	Salam fm	40 rancangan harian	56 Jam

56. Penerbitan rancangan radio menggunakan format rancangan seperti siaran langsung, dokumentari, majalah, temu bual serta ceramah pendek. Walaupun pengisian rancangan-rancangan ini menjurus dalam aspek keagamaan dan moral, namun pendekatan penyiaran yang dilakukan adalah bersesuaian dan boleh diikuti oleh semua lapisan masyarakat. Bahagian Media turut membantu menyediakan isi kandungan dan input rancangan agama yang akan disiarkan ke luar negara melalui saluran Suara Islam dan *Voice Of Islam* RTM selain stesen-stesen penyiaran negeri.

Klasik Nasional

57. Program agama radio yang disiarkan melalui saluran Klasik Nasional memberi penekanan terhadap pendidikan seperti rancangan Talaqi dan Fiqh Sirah. Rancangan majalah seperti Inspirasi dan Tinta Ilmu pula memberikan penjelasan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat. Forum Perdana Radio merupakan rancangan radio di lokasi yang dirakam di luar studio, bagi mendekati pendengar secara langsung. Bahagian Media Jakim juga bertanggungjawab menyiarkan azan, bacaan al-Quran, 'tit bits' serta info seperti rancangan Glosari Islam yang memberikan definisi tertentu berkaitan dengan istilah.

Jadual 4: Saluran Radio Klasik Nasional fm

BIL.	RANCANGAN	SIARAN	JANGKA MASA
1	Hikmah Pagi	Setiap hari : 0630-0635	5 minit
2	Iktibar al-Quran	Isnin : 1815-1830	15 minit
3	Inspirasi	Selasa : 1815-1845	30 minit
4	Minda Intelek	Rabu : 1815-1845	30 minit
5	Kursus Membaca al-Quran	Khamis : 1815-1900	45 minit
6	Interaksi	Jumaat : 1815-1845	45 minit
7	Mawaddah	Sabtu : 1815-1845	30 minit
8	Forum Perdana	Ahad : 1815-1900	45 minit
9	Belajar Bahasa al-Quran	Isnin : 1830-1900	30 minit
10	Epilog Murni	Selasa : 1845-1900	15 minit
11	Nada Ilham	Rabu : 1845-1900	15 minit
12	Salam Ukhwah	Sabtu : 1845-1900	15 minit
13	Bacaan al-Quran	Setiap hari : 1915-1925	10 minit
14	Azan Maghrib	Mengikut waktu	5 minit
15	Fikrah	Setiap hari: 1925-1930	5 minit
16	Hidayah	Isnin & Jumaat : 1930-2000	30 minit
17	Tinta Ilmu	Selasa : 1930-2000	30 minit
18	Fiqhul Sirah	Rabu : 1930-2000	30 minit
19	Al-Falah	Khamis : 1930-2000	30 minit
20	Permata Hati	Sabtu : 1930-2000	30 minit
21	Talaqi	Ahad : 1930-2000	30 minit
22	Khutbah Jumaat	Mengikut waktu	20 minit
23	Glosari Islam	Setiap hari selepas azan	5 minit
24	Info Islam	Sebelum dan selepas azan	10 minit
25	Quran Tartil	Setiap hari : 2350-2400	10 minit
26	Panduan waktu sembahyang	7.20 pagi & sebelum azan	6 minit
27	Tazkirah (7 siri)	Setiap hari (masa siaran disesuaikan oleh DJ bertugas)	1 minit

Jumlah Masa Siaran (jam) Setiap Hari	2 jam 18 minit
---	---------------------------

Jadual 5 : Saluran Radio Minnal fm

BIL.	RANCANGAN	SIARAN	JANGKA MASA
1	Ceramah Islam	Jumaat : 0315-0330	15 minit
2	Irama Hikmah	Setiap hari : 0605-0630	25 minit
3	Tafsir al-Quran	Jumaat : 0605-0620	15 minit
4	Mari Belajar	Sabtu : 1115-1130	15 minit
5	Menuju Kejayaan	Selasa : 1515-1530	15 minit
6	Sahabat Rasul	Rabu : 1515-1530	15 minit
7	Jambatan Persahabatan	Khamis : 1515-1530	25 minit
8	Al-Quran dan Sains	Jumaat : 1820-1830	10 minit
9	Al-Hikmah	Isnin : 2115-2130	15 minit
10	Kisah dan Teladan	Selasa : 2115-2130	15 minit
11	Forum Ehwat Semasa	Selasa : 2115-2130	15 minit
12	Sabda Junjungan	Rabu : 2115-2130	15 minit
13	Belajar al-Quran	Khamis : 2115-2130	15 minit
14	Kuiz Agama	Jumaat : 2115-2130	15 minit
15	Keluarga Bahagia	Sabtu : 2115-2130	15 minit
16	Masyarakat Penyayang	Ahad : 2115-2130	5 minit
17	Kapsul Agama dan Doa	Setiap hari : 2355-2400	5 minit
Jumlah Masa Siaran (jam) Setiap Hari			1 jam 20 minit

Jadual 6 : Saluran Radio Traxx fm

BIL.	RANCANGAN	SIARAN	JANGKA MASA
1.	Reflection	Setiap hari 1945-1950	10 minit
Jumlah Masa Siaran (minit) Setiap Hari			10 minit

Jadual 7 : Saluran Radio Ai fm

BIL.	RANCANGAN	SIARAN	JANGKA MASA
1	Kapsul Agama	Setiap hari 0303-0308 0603-0608 1405-1408	5 minit 5 minit 5 minit
2	Santapan Rohani	Setiap hari	5 minit

	2355-2400	
Jumlah Masa Siaran (minit) Setiap Hari		20 minit

Asyik fm

58. Asyik fm adalah satu-satu saluran khas yang menyiarkan rancangan dalam bahasa suku kaum bumiputra seperti Temuan, Jakun, Temiar dan Semai serta beberapa dialek lagi. Saluran ini menjadi medan terbaik kepada Jakim menyalurkan mesej dakwahnya melalui penerbitan rancangan yang bersiaran selama dua jam sehari atau 14 jam seminggu dalam pelbagai bentuk persembahan dan pendekatan.

Jadual 8 : Saluran Radio Asyik fm

BIL.	RANCANGAN	SIARAN	JANGKA MASA
1	Bingkisan Rohani (4X7minit = 28 minit sehari)	Mengikut waktu azan Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak (1 siaran =7minit)	28 minit
2	Silap Tu	Sabtu : 1530-1540	5 minit
3	Nasyid Pilihan	Jumaat : 1430-1500	30 minit
4	Carta Nasyid	Jumaat : 1000 - 1100	60 minit
Jumlah Masa Siaran (minit) Setiap Hari			58 minit

Salam fm

59. Tahun 2009 membuka satu lembaran baru apabila Jakim dengan kerjasama RTM memulakan siaran percubaan Radio Malaysia Jakim, iaitu Salam fm. Salam fm yang berkongsi konti dengan Asyik fm (14 jam) dan Suara Islam (tiga jam) ke udara mulai jam 1.00 pagi hingga 8.00 pagi (tujuh jam) bermula 15 Februari 2009 dan dilancarkan secara rasmi pada 11 Jun 2009 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral Datuk Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom.

60. Mulai 1 Oktober 2009, Salam fm menambah masa siaran selama satu jam lebih awal bermula jam 12 tengah malam dan tamat jam 8 pagi. Pengisiannya meliputi lebih 40 pelbagai rancangan yang berbentuk interaktif, majalah, info hebahan, promosi aktiviti Jakim dan aktiviti agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selain muzik, lagu nasyid, lagu keinsafan dan kapsul agama.

61. Objektif siaran Salam fm ialah untuk melebarkan lagi inisiatif dakwah melalui radio dengan program-program yang berinformasi dan ilmiah. Ia memberi pilihan kepada pendengar untuk mendapat input dakwah secara interaktif pada awal pagi dan memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada seluruh masyarakat bagi melahirkan ummah yang progresif dan berakhlak mulia.

62. Satu lagi rancangan menarik ialah Kompas yang memuatkan motivasi dan daya kreativiti golongan Orang Kurang Upaya bagi menghadapi cabaran hidup.

63. Pada 15 Ogos hingga 30 Ogos 2010, Radio Salam fm menjadi 'host penyiar' bagi program Jelajah Sahabat Yadim Satu Malaysia. Sempena Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa kali ke-52 tahun 2010, Radio Salam fm telah menerbitkan rancangan khas dalam bahasa Arab bertajuk "**Al-Nadwah.**"

Jadual 9 : Jadual Siaran Salam fm

HARI MASA	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
0100-0115	Doa (pakej) / Al-Quran dan Terjemahan (pakej) / Intisari Rancangan						
0115-0200	Bersama Tokoh (live)	Lagu Pdg. Pasir	Usahawan (pakej)	Pendapat	Sampaikan	Bersama Artis (live)	Nasyid Pilihan
0200-0215	Berita Ringkas / Renungan (pakej)						
0215-0245	Lagu dan Kenangan/GI	Citra	Sampaikan/GI	Ikhwah/GI	Pesanku/GI	Pesona/GI	P. Kesihatan
0245-0300		Remaja/GI			Munajat	Pilihan DJ	GI/Nada Ilham
0300-0315	Berita/Lagu Patriotik/Glossari Islam (pakej)						
0315-0330	Nada Ilham						
0330-0400	Koleksi Fatwa	Drama (pakej)	ResQ (pakej)	D'Sayang (pakej)	Koleksi Fatwa	Anakku (pakej)	Minda Intelek
0400-0415	Berita/Renungan (pakej)						
0415-0445	Fikrah Wahyu (pakej)	Teladan	Warisan (pakej)	Fikrah Wahyu (pakej)	Global (pakej)	Musafir (pakej)	Kompas (pakej)
0445-0500		Nada Ilham			Nada Ilham		Nada Ilham
0500-0515	Berita/Glossari Islam						
0515-0530	Al-Quran & Terjemahan (pakej)						
0530-0600	Nawaitu (konti)						
0600-0630	Berita/Glossari Islam (pakej)						

	Zikir (pakej)				S.Jwb Agama	Zikir Munajat	Tasawwur Islam
0630-0700	Kuliah Subuh (pakej)						
0700-0715	Berita / Renungan (pakej)						
0715-0730	Motivasi (konti)						
0730-0800	Fiqul Sirah (pakej)	Bersama Mufti/Doa	Inspirasi (pakej)	Muzakarah/ Doa (pakej)	Tallaqi (pakej)	Tinta Ilmu (pakej)	Undang2 Keluarga (pakej)

Kawalan Media Elektronik

64. Selain mengadakan pemantauan terhadap media cetak, Jakim juga bertanggungjawab mengkaji dan menapis bahan-bahan penerbitan berunsur Islam di saluran media elektronik seperti filem, iklan, laman web dan blog. Laporan kajian dan pemantauan ini, terutamanya terhadap laman web dan blog yang mengandungi unsur-unsur yang bersalahan dengan Islam akan dikemukakan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan selanjutnya.

DAKWAH MELALUI MEDIA BARU

65. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Jakim merupakan bahagian yang menyokong pelaksanaan aktiviti-aktiviti di Jakim selaras dengan misi Jakim sebagai peneraju rujukan maklumat hal ehwal Islam di peringkat negara dan juga dunia. BPM juga berperanan menyediakan prasarana ICT dengan membangunkan projek-projek ICT yang diperlukan oleh *stake holders* dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat awam.

Pembangunan Portal

66. Laman Web/Portal Jakim merupakan gerbang atau antara muka (*interface*) utama antara Jakim dengan orang awam yang menyediakan pelbagai perkhidmatan dan maklumat berkaitan hal-ehwal Islam kepada masyarakat global amnya dan

Malaysia khususnya. Kemudahan perkhidmatan ini disediakan bagi memastikan usaha dakwah dan maklumat-maklumat berkaitan Islam serta aktiviti anjuran Jakim dapat disampaikan dan dilayari di oleh setiap masyarakat Islam di seluruh dunia.

67. Antara kandungan Portal Jakim adalah seperti yang berikut:

i. **e-Muamalat**

E-Muamalat merupakan portal yang dibangunkan khusus untuk memuatkan perbincangan-perbincangan fiqh muamalat di samping menjadi tempat rujukan berautoriti bagi umat Islam negara ini bagi menjawab isu dan permasalahan semasa yang berlegar di dalam masyarakat khususnya yang melibatkan penentuan hukum hakam dalam bidang kewangan, kontrak, perniagaan dan sebagainya.

ii. **e-Fatwa**

e-Fatwa menghimpunkan keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.

iii. **e-Solat**

e-Solat Menyediakan kemudahan rujukan waktu-waktu solat dan arah kiblat bagi kawasan dan daerah seluruh Malaysia. Di dalamnya juga terdapat panduan solat Jamak dan Qasar serta Almanak Falak.

iv. **e-Halal**

e-Halal merupakan sistem Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia, menyediakan kemudahan permohonan pensijilan halal secara *online*,

menyediakan kemudahan direktori halal kepada pengguna bagi mendapatkan atau menyemak sesuatu produk.

v. **e-Almanak Falak**

e-Almanak Falak Menyediakan kemudahan rujukan data yang diperlukan untuk hitungan-hitungan falak syar'ie seperti penentuan kalendar, waktu-waktu solat serta imsak dan penyediaan data rukyah hilal.

vi. **e-Mep**

Aplikasi ini memaparkan kalendar aktiviti dan waktu-waktu penyiaran rancangan-rancangan terbitan Bahagian Media Jakim bersama RTM yang akan disiarkan di radio dan televisyen.

Portal IslamGRID

68. IslamGRID merupakan pusat repositori kandungan digital Islam dan kolaborasi global ilmu Islam yang menyeluruh. Melalui fasa pertama ia mengandungi beberapa modul asas seperti yang berikut:

i. **Modul Al-Quran**

Memaparkan paparan mashaf al-Quran secara *flip book* berserta bacaan dan terjemahan.

ii. **Modul Al-Hadith**

Memaparkan kandungan rujukan hadith dari buku Mastika Hadith Jilid 1 hingga 3.

iii. **Modul Kemusykilan Agama**

Merupakan salah satu kemudahan secara *online* kepada masyarakat untuk mengemukakan pelbagai persoalan berkaitan permasalahan dan kemusykilan agama. Panel-panel yang menjawab adalah pakar-pakar dari Jakim atau yang dilantik oleh Jakim.

iv. **Modul Masjid**

Memberi kemudahan kepada orang ramai untuk mencari maklumat dan lokasi masjid.

v. **Modul Video**

Mengandungi koleksi siri video terutamanya dari RTM dan Bahagian Media Jakim dan juga dari sumber-sumber yang berwibawa. Antaranya Forum Perdana Ehwat Islam, Seruan Haji, Tilawah Al-Quran, Sayang Disayang dan *Islamic Influence*.

vi. **Modul Artikel / Majalah**

Memberi kemudahan kepada orang ramai untuk mencari maklumat teras dan asas Islam menerusi artikel, risalah dan majalah. Antaranya Majalah Sinar Rohani, Cahaya, Pendidik, Suara Masjid, Jurnal Hadhari dan Risalah Islam.

vii. **Modul Fasiliti Islam**

Memberi kemudahan kepada orang ramai mengetahui waktu solat, rujukan fatwa, zakat, haji dan sebagainya menerusi pautan yang disediakan.

MyAIM (Malaysian Authoritative Islamic Media)

69. *MyAIM* merupakan usaha Jakim untuk menyediakan maklumat dan panduan tentang Islam dalam pelbagai media, iaitu media audio / video dan media cetak melalui internet. Kandungannya adalah seperti yang berikut:

i. **Web TV/ Radio**

Menyediakan koleksi rakaman siaran langsung RTM dan Jakim. Khususnya **Jakim.TV** yang dilancarkan pada 11 Januari 2011 yang lalu menyalurkan kandungan video dan audio on-demand melalui Internet sebagai media baru, alternative kepada radio dan TV konvensional, oleh itu boleh dicapai oleh sesiapa sahaja, pada bila-bila masa dan di mana jua.

ii. **E-Penerbitan**

Menyediakan koleksi bahan pencetakan yang diterbitkan oleh Jakim seperti buku, jurnal, buletin dan majalah dalam bentuk *e-book/flip book*. dan *pdf*.

iii. **Khutbah Online**

Mengandungi koleksi khutbah oleh Jakim yang dibaca dalam khutbah Jumaat di Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Wilayah Persekutuan.

Kemudahan SMS

70. Portal Jakim juga menyediakan kemudahan maklumat secara pantas dan tepat kepada pengguna, iaitu menerusi:

i. **e-Halal**

Semakan status halal. Format SMS: **HALAL<>SEMAK<>No. Pendaftaran Syarikat (ROC)** Contoh: **HALAL SEMAK 12345 Hantar ke 15888**

Kemudahan SMS Halal ini sedang dikembangkan kepada perkhidmatan halal mobil menyeluruh termasuk direktori halal mobil dan sebagainya.

ii. **e-Solat**

Menyediakan kemudahan semakan waktu solat / arah kiblat seluruh Malaysia. Semakan waktu solat. Format SMS: **JAKIM<>SOLAT<> DAERAH**
Contoh: **JAKIM SOLAT MELAKA Hantar ke 15888**

Perkhidmatan SMS e-Solat ini sedang dikembangkan kepada perkhidmatan rukyah dan falak mobil yang menyeluruh dengan kerjasama pihak-pihak yang berwibawa.

Soal Jawab Kemusykilan Agama Melalui Internet

71. Soal Jawab Kemusykilan Agama Melalui Internet yang dikendalikan oleh Bahagian Dakwah, Jakim merupakan saluran dakwah melalui **Media Baru**. Ruangan ini telah bermula pada tahun 2007 dan dikendalikan oleh panel-panel bagi menjawab soalan berdasarkan kepakaran dalam bidang masing-masing. Ruangan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua golongan masyarakat berdasarkan kemasukan soalan-soalan setiap hari antara 30 hingga 50 soalan sehari. Jumlah soalan yang diterima bermula tahun 2007 hingga sekarang ialah 34,459 soalan dalam pelbagai kategori sama ada aqidah, akhlak dan isu semasa. Hasil jawapan kepada semua kemusykilan tersebut pula boleh dicapai oleh orang awam dalam bentuk pangkalan pengetahuan (Knowledge Base) Kemusykilan Agama melalui portal Jakim, lengkap dengan enjin carian yang mesra pengguna.

PERHUBUNGAN DENGAN MEDIA

72. Unit Perhubungan Awam Jakim bertanggungjawab dalam menyelaraskan hubungan antara pihak media dan ketua jabatan. Melalui kaedah ini, ketua jabatan menyalurkan

pandangan, ulasan atau apa jua kenyataan berkaitan hal ehwal Islam khususnya yang berkait dengan bidang tugas Jakim untuk disiarkan di dalam akhbar bagi hebahan awam. Antara perkara yang sering disiarkan ialah yang berkaitan dengan isu halal dan fatwa.

ANUGERAH MEDIA ISLAM NEGARA (AMIN)

73. Pada tahun 2007 juga, kali pertama Jakim menganjurkan Anugerah Media Islam Negara (AMIN) yang diurussetiakan oleh Bahagian Penerbitan. Anugerah ini mempunyai objektif untuk memberi penghargaan kepada pengamal media dalam memartabatkan Islam dalam pembangunan ummah dan kemajuan negara. Sebanyak 16 anugerah diberikan yang dibahagikan dalam empat kategori, iaitu Penerbitan Radio, Penerbitan TV, Penerbitan Media Cetak dan Anugerah Perdana Media Islam. Majlis ini diadakan pada 20 April 2007 bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

74. Pada tahun 2008, Bahagian Penerbitan mengurussetiakan pelaksanaan AMIN Kedua. Beberapa penambahbaikan telah dilakukan dalam AMIN Kedua, terutamanya jumlah anugerah telah ditambah kepada 29 anugerah yang dibahagikan kepada enam kategori. Satu kategori baru diperkenalkan, iaitu Anugerah Laman Web Berunsur Islam Terbaik. Majlis penyampaian anugerah ini diadakan pada 24 Julai 2008, bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya.

75. Pada 7 Oktober 2009, AMIN Ketiga telah dilaksanakan. Penambahbaikan terus dilakukan, antaranya menambah jumlah anugerah kepada 34 dengan memasukkan satu kategori baru, iaitu Anugerah Khas Juri.

INOVASI DAN TRANSFORMASI DAKWAH MELALUI MEDIA BARU OLEH JAKIM

76. Kini telah sampai masanya untuk Jakim menggunakan sepenuhnya media baru dalam usaha dakwahnya. Dengan kata lain penggunaan media baru bukan lagi sebagai sampingan atau sokongan, malah sebagai saluran arus perdana (*main stream*) penyampaian dakwah. Ini memandangkan media baru telah menjadi saluran utama maklumat, mesej, interaksi, rangkaian sosial dan sebagainya oleh seluruh masyarakat dunia tanpa sempadan ini.

77. Usaha Jakim untuk menyediakan semua kandungan dakwah secara digital dan *online* khususnya melalui internet adalah selari dengan hasrat tersebut. Alhamdulillah, Jakim telah pun mempunyai khazanah kandungan dalam pelbagai bentuk dan format; termasuk teks bercetak seperti buku, jurnal, artikel, kertas-kertas kerja dan sebagainya. Begitu juga kandungan dakwah dalam bentuk rakaman audio seperti bacaan AlQuran, ceramah dan sebagainya malah banyak juga kandungan dalam bentuk rakaman video seperti khutbah Jumaat, forum perdana, program realiti TV dan sebagainya, seperti yang telah diperincikan dalam kertas ini.

78. Langkah seterusnya yang telah dan akan terus dibuat adalah mempersembahkan semula semua kandungan tersebut dalam bentuk digital dan *online* terutamanya melalui internet. Dengan itu penyebaran dan impak kandungan dan mesej dakwah dapat dipertingkatkan, dengan elemen interaktif dan partisipatif dapat dipertingkatkan dengan mendadak. Sekali gus Jakim juga dapat menyumbang secara langsung ke arah peningkatan **kandungan tempatan Islamik yang berwibawa**, bagi mengimbangi kebanjiran kandungan dari 'luar' yang kebanyakannya negatif.

79. Antara usaha Jakim untuk tujuan ini termasuklah terutamanya projek mega Jakim **IslamGRID** (rujuk: www.islamgrid.gov.my) yang sekali gus **menguruskan ilmu** (pengetahuan) Islam yang dikendalikan oleh Jakim secara sistematik, holistik dan berterusan. Pengurusan Ilmu Islam ini insya Allah akan dapat memastikan

kesinambungan dan keberkesanan usaha dakwah Jakim, hingga dapat mendepani segala bentuk cabaran ummah masa kini dan akan datang hingga ke akhir zaman.

80. Selain dari itu, sudah tentunya kita mengharapkan IslamGRID akan dapat menyediakan platform dan forum bagi pemuliharaan serta penjanaan ilmu Islam secara terkawal dan berterusan dan akhirnya dapat menyediakan panduan, model malah jawapan dan penyelesaian kepada semua masalah sosio-ekonomi, peradaban, keruntuhan moral, spritual, alam sekitar dan seribu satu macam masalah yang dihadapi oleh masyarakat global masakini dan akan datang.

PENUTUP

81. Inovasi dan transformasi dakwah mesti berlaku secara dinamik, berterusan tanpa mengira alat atau teknologi yang digunakan. Ia adalah sebahagian dari kesinambungan dari misi besar Rasulullah SAW iaitu bagi menyebarkan rahmat Allah ke sekalian alam secara yang paling berhikmah.

82. Jakim sentiasa berusaha untuk meningkatkan kandungan dan keberkesanan dakwah Islamiah yang bersepadu seiring dengan perubahan dan cabaran persekitaran yang dinamik. Pihak agensi-agensi agama di peringkat persekutuan dan negeri-negeri amat dialu-alukan untuk bekerjasama dengan Jakim untuk meneruskan usaha murni ini. Sesungguhnya tanggungjawab dakwah Islam adalah tanggungjawab yang amat besar yang perlu dilakukan bersama-sama dengan cara yang paling berhikmah..

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Jabatan Perdana Menteri.

Disember 2011.